

Wanita warga India sempat jerit minta tolong sebelum tertimbus

Pasukan SAR guna jengkaut kesan mangsa terjatuh dalam lubang benam yang terbentuk

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Wanita warga India yang menjadi mangsa tanah jerlus di Jalan Masjid India, di sini dikatakan sempat menjerit meminta tolong sebelum tertimbus dalam lubang benam terbentuk yang dianggarkan sedalam kira-kira 10 meter.

Perkara itu dimaklumkan suami mangsa ketika ditemui di lokasi kejadian semalam, namun lelaki warga India berusia lingkungan 40-an itu agak keberatan untuk bercerita lebih lanjut kejadian menimpa isterinya, di samping faktor kesukaran untuk berkomunikasi.

"Dia (mangsa) menjerit meminta tolong selepas terjatuh sebelum terus senyap tidak lama kemudian," katanya ringkas.

Dalam kejadian kira-kira jam 8 pagi itu, mangsa yang berusia 48 tahun dikatakan bersiar-siar di kawasan Jalan Masjid India bersama keluarga terjatuh selepas tiba-tiba berlaku mendapan ta-

nah yang turut menyebabkan tanah jerlus.

Satu video turut tular mengenai kejadian itu yang menunjukkan dengan jelas saat mangsa yang memakai sari terjatuh.

Seorang lelaki yang kelihatan duduk di bangku bersebelahan berhampiran mangsa turut terjatuh ke dalam lubang yang terbentuk, namun sempat menyelamatkan diri.


Dimensi pencarian diperluas

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur, Rozihan Anwar Mamat berkata usaha mencari dan menyelamatkan (SAR) dijalankan dengan menggunakan jengkaut milik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi membesarkan lubang benam terbabit untuk memudahkan tugas pasukan penyelamat.

Sementara itu, Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa, berkata dimensi pencarian diperluas mengambil kira kemungkinan mangsa dihayutkan arus deras dalam longkang bawah tanah di lokasi kejadian.

"Di bawah ini (lokasi) ada aliran air yang deras sampai ke hujung dan pemeriksaan ada dibuat di sana, tetapi buat masa ini belum ditemui," katanya.

Beliau memaklumkan, pencarian dilakukan secara berperingkat, termasuk mengadakan perbincangan dengan Indah Water Konsortium (IWK) mengenai pe-



Anggota Bomba dan Penyelamat serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia menggunakan jengkaut bagi mengesan mangsa tanah jerlus di Masjid India, Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

lan aliran air dan sistem pembetungan.

"Kita tidak boleh buat sesuka hati, tidak boleh tutup aliran air kerana boleh sebabkan banjir di lokasi lain, maka operasi ini perlu dijalankan secara berperingkat dan berhati-hati dengan nasihat pihak bomba, termasuk meneliti ancaman gas (di bawah tanah)."

"Kita memerlukan nasihat dan kepakaran pelbagai pihak memastikan operasi SAR berjaya dan berjalan baik serta selamat. Kita juga berharap mangsa se-

gera ditemui," katanya.

Dalam pada itu, beliau mengesahkan kejadian semalam bukan yang pertama kerana tanah jerlus pernah berlaku berhampiran lokasi di mana wanita India itu terjatuh semalam, namun tidak membabitkan sebarang kemalangan jiwa.

"Saya difahamkan tempat ini dulu pernah mendap sekali, betul-betul berdekatan tempat kejadian hari ini namun sudah dibaiki," katanya.

Sementara itu, Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta

Linggi meminta orang ramai mematuhi arahan dikeluarkan pihak berkuasa semasa berada di persekitaran kawasan berkenaan.

Meluahkan rasa simpati terhadap kejadian itu, beliau berkata arahan dikeluarkan adalah untuk keselamatan semua pihak.

"Saya menyeru semua rakyat bertenang dan beri laluan kepada pihak bertanggungjawab untuk mengambil tindakan segera dan yang sewajarnya," katanya menerusi hantaran di Facebook.



Anggota bomba melancarkan operasi mencari dan menyelamatkan mangsa tanah jerlus di Masjid India, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)